

Tiga kawasan banjir kilat dalam tindakan

GOMBAK - Tiga kawasan yang dikenal pasti kerap banjir kilat di sini, mendapat perhatian dan tindakan dilakukan melalui naik taraf saluran yang dijangka menyelesaikan masalah itu sepenuhnya.

Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan berkata, dua projek dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mem-babitkan Kampung Kerdas 2 dan Sungai Pusu, sementara di Gombak Indah pula di bawah peruntukan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).



Kerja pembinaan longkang di Kampung Gombak Indah giat dijalankan.

Menurutnya, projek di Kampung Kerdas 2 telah selesai sementara yang lainnya sedang berjalan dan 50 peratus siap.

"Antara kerja dilakukan mem-babitkan tambahan sistem saluran dan pembinaan longkang monsun untuk tampung air ketika hujan lebat yang menyebabkan banjir kilat sekiranya melebihi satu jam.

"Pembahagian kos setiap projek adalah RM500,000 untuk Kampung Gombak Indah; RM400,000 bagi Kampung Kerdas 2; dan Sungai Pusu (RM300,000)," katanya.

Katanya, selepas projek River of Life (ROL) dijalankan kebanyakan masalah banjir bagi penduduk yang tinggal bersebelahan sungai selesai.

"Namun, dua hingga tiga tahun kebelakangan ini kejadian banjir kilat dikesan selepas terdapat pembangunan di kawasan berhampiran sungai selain pertambahan populasi hingga mengganggu proses penguraian air.

"Semua projek dijangka selesai sebelum hujung tahun ini. Kita akan tumpu lokasi lain yang turut hadapi masalah sama iaitu di Greenwood dan Taman Gombak Ria," katanya.